

10 FEB 2001

Mustapa-Istana

UMNO KESAL PAS PERBESAR ISU KECIL HINGGA PINDA PERLEMBAGAAN

TANAH MERAH, 10 Feb (Bernama) -- Umno Kelantan kesal dengan sikap PAS yang memperbesarkan isu kecil sehingga bersedia untuk membuat pindaan perlembagaan bagi mengurangkan fungsi raja dalam pentadbiran negeri, kata pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Mustapa Mohamed.

Beliau berkata tindakan yang kasar tidak harus diambil kerana ia boleh mengeruhkan lagi keadaan.

"Perkara yang bermula dengan perkara kecil menjadi besar, banyak hati telah terguris kerana telah dihebah-hebahkan termasuk tindakan Dewan Pemuda PAS yang lantang," katanya kepada pemberita selepas majlis pertemuan dengan pemimpin Umno Tanah Merah di sini.

Semalam, Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat menyatakan bahawa kerajaan Kelantan bersiap sedia untuk meminda perlembagaan negeri bagi mengurangkan fungsi raja dalam pentadbiran.

Nik Aziz dilaporkan sebagai berkata kerajaan negeri mahu melaksanakan tuntutan dalam resolusi muktamar PAS di Kuala Terengganu tahun lepas dan masanya sudah sampai.

Isu antara kerajaan negeri dan Istana Kelantan hangat selepas pihak Istana menarik balik darjah kebesaran dua anggota Exco kerajaan negeri -- Takiyuddin Hassan dan Mohamad Daud -- awal bulan lepas.

Mengulas perkara yang sama, Majlis Bertindak Rakyat Kelantan (MBRK) yang ditubuhkan untuk mempertahankan institusi raja, turut kesal dengan tindakan PAS cuba meminda perlembagaan itu.

Pengerusi MBRK Wan Mohamed Mokhtar Abdul Rahman berkata kalau bukan kerana kepentingan politik, PAS tentunya turut meminda perlembagaan itu semasa ianya dikemukakan di Parlimen pada 1993 oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Wan Mohamed Mokhtar berkata MBRK akan menganjurkan sambutan besar-besaran menyambut kepulangan Sultan dan Raja Perempuan Kelantan dari Dubai 12 Feb ini di hadapan Istana Mahkota, Kubang Kerian.

-- BERNAMA

BD RON